

AMP perluas kriteria sertai skim niaga mikro

INDIVIDU daripada keluarga berpendapatan pertengahan yang berminat menjalankan perniagaan di rumah kini boleh menyertai Program Perniagaan Mikro tahun ini.

Program kendalian Angkatan Karyawan Islam (AMP) itu bertujuan melengkapkan individu dengan kemahiran berniaga memulakan perniagaan di rumah.

Demi mendekati lebih ramai individu yang ingin memupuk semangat keusahawanan dan mempertingkatkan perniagaan mereka, AMP meningkatkan had pendapatan bagi menyertai program itu.

Ia kini dibuka kepada warga Melayu/Islam Singapura berusia 21 hingga 50 tahun, yang mempunyai gabungan pendapatan rumah bulanan tidak melebihi \$4,000 atau pendapatan per kapita \$800 ke bawah.

Peserta boleh memilih menyertai pelbagai bidang latihan, termasuk makanan, kecantikan dan kesihatan, menjahit atau kraf dan aksesori perkahwinan.

Bagi menyertai program ini, mereka yang mempunyai pendapatan per kapita tidak melebihi \$500 harus membayar \$200, manakala yang mempunyai pendapatan per kapita antara \$501 dengan \$800 harus membayar \$300.

Bayaran itu tidak akan dikembalikan kepada mereka yang gagal dipilih menyertai program tersebut.

Program Perniagaan Mikro diperkenalkan pada 2005 bagi membantu individu daripada keluarga berpendapatan rendah memupuk semangat keusahawanan dan melengkapkan mereka dengan kemahiran dalam perdagangan, perniagaan dan teknologi maklumat (IT).

AMP bergabung dengan Pusat Syarikat Kecil dan Sederhana (SME) Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura (DPPMS) pada 2010 bagi mempertingkatkan kemahiran perniagaan dan IT peserta program itu.

Mereka yang berminat dan memenuhi kriteria boleh mendaftar di pejabat AMP di AMP @ Pasir Ris, 1 Pasir Ris Drive 4, Tingkat 5; atau di AMP @ Jurong Point, 1 Jurong West Central 2, #06-02 di Pusat Beli-Belah Jurong Point.

Borang permohonan juga boleh dimuat turun daripada laman AMP di www.amp.org.sg.

Tarikh tutup pendaftaran ialah 28 Februari.

Maklumat lanjut boleh didapatkan dengan menghubungi Cik Mariam Mustaffa di talian 6416-1426 atau menghantar e-mel kepada mariam@amp.org.sg.